



Buletin

• BIL 1 2018 • PEJABAT DAERAH DAN TANAH KLANG

PDTK

Bengkel Kajian Semula Pencapaian Tahun 2017 Dan Perancangan Sasaran Kerja Tahunan Tahun 2018 Pejabat Daerah Tanah Klang.



07

Majlis Penyerahan Komputer Riba, Pencetakan, Peralatan Ikatan Desa Dan Kursus Kefahaman Tatacara Penggunaan Walkie Talki.

10

Ke Arah Pensijilan EKSA

Menarik
Di Dalam

Sidang Redaksi

Penaung

YBrs. Tuan Haji Mohd Zainal bin
Mohd Nor, A.M.S.

Ketua Editor

Zulkifli bin Osman

Editor

Masrini binti Mohd Shahkarda

Jurufoto

Mohd Zulfadhl bin Zainal
Mohd Shahaidi bin Hamid

Sidang Editorial

Ahmad Faiz bin Sukiran
Mokhsein bin Mohd Shafai
Wan Eza Idayu binti Mohd Salleh
Yusnita binti Yusof
Norfazlana Binti Mohd Nor
Khatijah binti Rahais
Siti Zurina binti Jusoh
Rabtah Hanim binti Senin
Nur Aida binti Mohd Diris
Jamilah binti Abdul Karim
Mohammad Taufiq bin Azhar

Irnawati binti Tunot
Noor Halina binti Bakri
Mohd Hafizuddin bin Subandi
Zatil Hulwani binti Abdul Latif
Norashikin binti Mohamad Shari
Shahida Suhana bin Abdul Hamid
Siti Suhada Aina binti Mohammed
Y.M Raja Safiahtulrehan binti Raja Badrul Azam

Alamat :

Pejabat Daerah /Tanah Klang Jalan Kota, 41902 Klang,Selangor Darul Ehsan

No. Faks :

03 - 33732766 (Pentadbiran)
03 - 33724426 (Pembangunan)
03 - 33732762 (Tanah)

Portal Rasmi : www.selangor.gov.my/klang

E-mail Umum : klang@selangor.gov.my

E-mail Aduan: aduanptdklang@selangor.gov.my

E-mail Hasil : hasilklang@selangor.gov.my

Mutiara Kata

Jika tidak dipecahan ruyung manakan dapat sagunya. Pepatah melayu ini amatlah bertepatan kepada seluruh umat manusia yang mahukan kejayaan sama ada di dunia dan juga di akhirat. Setiap usaha yang bersungguh-sungguh itu akan mendapat ganjaran yang setimpal disamping sentiasa merendah diri walau di mana kita berada dan seterusnya menjadi warga kerja yang sentiasa proaktif serta produktif dalam menjalankan tugasan.

Tahniah diucapkan di atas kelahiran Buletin PDTK 'sulung' Bil 1 2018 ini. Semoga keluaran buletin ini dapat menjadi bukti kesungguhan dan usaha semua warga Pejabat Daerah Tanah Klang dalam melaksanakan tugasan demi kecemerlangan Pejabat Daerah Tanah Klang jua.

TUAN HAJI MOHD ZAINAL BIN MOHD NOR, AMS
Pegawai Daerah Klang



BENGKEL KAJIAN SEMULA PENCAPAIAN TAHUN 2017 DAN PERANCANGAN SASARAN KERJA TAHUNAN TAHUN 2018 PEJABAT DAERAH TANAH KLANG

Telah diadakan pada 1 hingga 3 Februari 2018 di Holiday Villa Spa & Resort Cherating, Kuantan Pahang.



SKIM MESRA USIA EMAS

SMUE adalah satu Skim Khairat Kematian yang diwujudkan khusus untuk menjaga kebajikan rakyat Selangor. Manfaat berjumlah RM2500 akan disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Fasa 1: Wang tunai berjumlah RM1,000 diberi oleh Pejabat Dun dan Fasa 2: Baki wang tunai RM1,500 akan disampaikan dalam satu majlis khas Pejabat Daerah /Tanah dalam tempoh 60 hari. Majlis khas telah diadakan bagi tujuan penyampaian sumbangan ini.



MAJLIS UNDI KEDUDUKAN TANAH DI JOHAN SETIA

Majlis Undi Kedudukan Tanah di Johan Setia, Mukim Klang, Daerah Klang Sebagai Tapak Ganti Di Atas Kelulusan Pemberimilikan Tanah Kerajaan di Johan Setia, Mukim Klang, Daerah Klang Bagi Tujuan Pertanian Kepada Peserta Tanah Revolusi Hijau Kampung Perepat, Mukim Kapar, Daerah Klang telah diadakan pada 12 Januari 2018 (Jumaat) di Bilik Gerakan Pejabat Daerah Tanah Klang.

Tarikh : 12 Januari 2018 (Jumaat)
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Bilik Gerakan Pejabat Daerah/Tanah Klang



OPERASI MEMACAK PAPAN TANDA AMARAN

Pada 27 Februari 2018 Operasi Memacak Papan Tanda Amaran Pencerobohan Tanah Kerajaan Di Jeti Swee Ting, Pelabuhan Klang Telah Diadakan . Unit Penguatkuasaan Pejabat Daerah Tanah Klang Telah Terlibat Dengan Operasi Itu.



PENYERAHAN NOTIS DI PULAU KETAM

Pada 21 Februari 2018, Unit Penguatkuasaan Telah Menjalankan Satu Operasi Penyerahan Notis Kepada Pemilik-Pemilik Sangkar Ikan Di Sekitar Pulau Ketam, Pulau Tengah Dan Pulau Ketam Bersama Apmm. Pada Masa Yang Sama Penyerahan Notis Dan Memacak Papan Tanda Amaran Di Sepanjang Parit Borrowpit Telok Gong, Mukim Klang Juga Telah Disempurnakan.



MAJLIS PENYERAHAN KOMPUTER RIBA, PENCETAK, PERALATAN IKATAN DESA DAN KURSUS KEFAHAMAN TATACARA PENGGUNAAN WALKIE TALKI.

TARIKH : 5 Mac 2018
MASA : 2.30 petang
TEMPAT : Auditorium, Tingkat 1, Pejabat Daerah dan Tanah Klang

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Pengurus Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa Dan Kampung Tradisi, YB. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi serta menyampaikan Komputer Riba, Pencetak kepada Peralatan Ikatan Desa kepada Ketua-Ketua Kampung Tradisi dan Ahli-Ahli Ikatan Desa Daerah Klang. Seramai 33 orang Ketua Kampung Tradisi telah menerima komputer riba dan pencetak manakala tujuh (7) buah Kampung sahaja yang menerima peralatan Ikatan Desa.



AKTIVITI KOSPEN

Hari Pemeriksaan Kesihatan untuk seluruh warga Pejabat Daerah/Tanah Klang telah diadakan pada 23 Mac 2018 di Bahagian/Unit masing-masing. Program ini mendapat sambutan yang mengalakkan oleh warga kerja PDTK. Program ini akan terus diadakan setiap bulan bagi melahirkan kakitangan yang sihat, cergas & sejahtera. Dikendalikan oleh sukarelawan KOSPEN yang terdiri daripada kakitangan PDTK sendiri.



PUSPANITA DAERAH KLANG

Mesyuarat Agung Puspanita Daerah Klang Kali Ke 33 telah diadakan pada 10 Januari 2018 bertempat di Dewan Serbaguna, Pejabat Daerah / Tanah Klang. Perasmian Oleh Y. Brs Tuan Haji Mohd Zainal bin Mohd Nor, AMS, Penasihat PUSPANITA Daerah Klang. Kehadiran Mesyuarat seramai 345 orang ahli.

Tahun ini telah diadakan pemilihan Ahli Jawatan Kuasa bagi sesi 2018-2019. Majlis didahului dengan ucapan alu-aluan oleh YBrs. Puan Hajjah Zaitun Binti Darus, Pengurus PUSPANITA Daerah Klang.



FASA PERALIHAN 5S KE EKSA

Bagi merealisasikan impian Pejabat Daerah/Tanah Klang untuk mendapatkan pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) daripada pihak Unit Tadbiran Dan Pemodenan Malaysia (MAMPU), satu Bengkel Pemantapan EKSA telah diadakan pada 29 dan 30 Jan 2018 yang lalu di Hotel Carlton Holiday, Shah Alam.

Bengkel yang dihadiri oleh wakil Juruaudit dari zon-zon serta Jawatankuasa Induk EKSA ini adalah bertujuan untuk mendedahkan para peserta dengan kriteria pengauditan dan dokumentasi yang perlu disediakan untuk tujuan pengauditan.



KE ARAH PENSIJILAN EKSA



Selain itu Satu Lawatan Penanda Aras telah diadakan bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan melawat agensi yang telah mendapat pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Pada lawatan kali ini, Mahkamah Rendah Syariah Sabak Bernam telah dipilih untuk dilawati oleh 20 orang wakil daripada jawatankuasa induk dan zon pada 19 April 2018 yang lalu.

Sepanjang lawatan ini, banyak idea-idea kreatif yang diperoleh oleh peserta dan boleh dijadikan contoh untuk pelaksanaan di pejabat.





www2.selangor.gov.my/klang



Pejabat Daerah dan Tanah Klang

JALAN KOTA 41902 KLANG SELANGOR DARUL EHSAN

TEL: 03-33711963 FAKS: 03-33732766